

0027

U 8819 BAH
BELANJAMAN - KOMEN

KUALA LUMPUR, 21 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELANJAMAN YANG DIBENTANG HARI INI TIDAK BERTUJUAN POLITIK ATAU BELANJAMAN PILIHAN RAYA.

KATANYA, JIKA ADA PIHAK YANG MENYANGKAKAN BAHAWA IA BERTUJUAN UNTUK PILIHAN RAYA, MEREKA BOLEH BERSIAP SEDIA.

+SAYA TIDAK KISAH APA YANG MEREKA KATA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA KETIKA DIKERUMUNI DI RUANG LEGAR BANGUNAN PARLIEM SEBAIK SAHAJA KELUAR DARI PINTU DEWAN.

KATANYA, BELANJAMAN INI MERUPAKAN BELANJAMAN YANG BAIK UNTUK SEMUA RAKYAT.

+SETIAP KERAJAAN ADA MOTIFNYA DAN MOTIF KERAJAAN KITA IALAH HENDAK MEMBERIKAN KEBAIKAN KEPADA RAKYAT,+ KATANYA. --LASI

2145HST 21 10 88

U 8824 BAH
BELANJAMAN - KOMEN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +JANGAN MENYANGKA YANG BUKAN-BUKAN, KITA TIDAK HEMPUNYAI MUSLIHAT+, KATA PERDANA MENTERI.

DITANYA SAHA ADA KEMUNGKINAN DIADAKAN PILIHAN RAYA TIDAK LAMA LAGI, BELIAU BERKATA, +SAYA TIDAK FAHAM MENGAPA PERKARA INI ADA DALAM FIKIRAN ANDA.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK SHAFAR BABA BERKATA BELANJAMAN INI MEMBERI KEBAIKAN KEPADA SEMUA LAPISAN RAKYAT TERMASUK PAGANAI KERAJAAN, BURUH DAN PENIAGA KECIL.

KATANYA, INI JUGA MENUNJUKKAN KEDUDUKAN KEMANGSANG NEGARA BERTAMBAH KUKUH DAN NEGARA JUGA BERADA DALAM AMAN.

+OLEH ITU MASA DEPAN MALAYSIA ADALAH CERAH DAN KITA HARAP KEADAAN INI AKAN BERTERUSAN+, KATANYA. --LASI

2150HST 21 10 88

U 8828 BAH
BELANJAMAN - KOMEN 3 KUALA LUMPUR

ENCIK SHAFAR BERKATA, +BELANJAMAN INI JUGA MENUNJUKKAN KERAJAAN PEKA DENGAN KEHENDAK RAKYAT DAN TAHU ARAH YANG DITUJU BERTA BIDANG MANA YANG PERLU DIBERIKAN PERHATIAN+.

KATANYA, KINI JUALAN DARIPADA HASIL BARANG-BARANG PEMBUATAN SUDAH MENINGKAT MELEBEHI DARIPADA SUMBER-SUMBER ASLI.

BELIAU BERKATA, + LIMA ATAU ENAM TAHUN DAHULU ORANG TIDAK TERFIKIR KITA BOLEH MEMEMBUSI PASARAN DUNIA DAN MENJUAL HASIL BARANGAN KITA SEBEGITU BANYAK.+

MAIS PRESIDEN UMNO, ENCIK ANNAR IBRAHIM PULA MENYIFATKAN BELANJAMAN INI SEBAGAI ANTARA YANG TERBAIK PERNAH DIBENTANGKAN.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PENDIDIKAN BERKATA, BELANJAMAN ITU MEMENUHI PERHINTAAN KEMENTERIAMNYA BASI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PENDIDIKAN.-- LASI

2153HST 21 10 88

U 0831 BAH
BELANJAWAN - KOMEN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, PELARASAN GAJI YANG AKAN DIMULAKAN ANAL TAHUN DEPAN ITU JUSA MELIBATKAN KIRA-KIRA 180,000 ORANG GURU.

PRESIDEN MIC DATUK S. SAHY VELLU BERKATA BELANJAWAN INI MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN MEMANG MEMBERIKAN PERHATIAN KEPADA SEMUA LAPISAN RAKYAT DAN USAHA-USAHA MENGALAKKAN PELABURAN.

BELIAU BERHARAP MUTU KAKITANGAN PERKHIDMATAN AMAN AKAN MEMINGKAT LAGI PADA MASA-MASA AKAN DATANG DENGAN PENGUMUMAN PELARASAN GAJI ITU.

KATANYA, BELANJAWAN YANG MENGALAKKAN INI DICAPAI HASIL DARIPADA KERJASAMA DAN PERPADUAN SELURUH RAKYAT.

TIMBALAN PRESIDEN PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU SARAWAK (PBB) DATUK ABANG ABU BAKAR MUSAFFA BERKATA BELANJAWAN KALI INI BAIK SEKALI UNTUK SEMUA RAKYAT TERMASUK KAKITANGAN KERAJAAN, PETANI DAN AHLI PERNIAGAAN. --LAGI
2219HST 21 10 88

0055

U 0840 BAH
BELANJAWAN - KOMEN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA BEBERAPA PENGECUALIAN CUKAI DALAM BELANJAWAN ITU JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MENAMBAHKAN LAGI PELABURAN ASING.

PRESIDEN PARTI BANGSA DAYAK SARAWAK (PBD), DATUK LED MOSSIE BERKATA, BELANJAWAN ITU MENGANDUNGI STRATEGI KERAJAAN YANG MENASABAH UNTUK TERUS MEMINGKATKAN KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

KATANYA, KERAJAAN TELAH DAPAT MEMPERTIMBANGKAN TUNTUAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AMAN KERANA KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA YANG BERTAMBAH BAIK.

APA YANG PENTING, KATANYA, IALAH SETIAP ANGGOTA MASYARAKAT TERMASUK KAKITANGAN AMAN HENDAKLAH MEMINGKATKAN PRODUKTIVITI MEREKA.

MAIS PRESIDEN USNO, ENCIK OSU HAJI SUKAM YANG JUGA TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA JUGA MENYIFATKAN BAHAWA BELANJAWAN TAHUN DEPAN ITU SEBAGAI POSITIF DAN MENSUNTUNGAN SEMUA PIHAK.

BELIAU MEMUJI LANGKAH KERAJAAN DAN YAKIN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA AKAN LEBIH BAIK LAGI BERBANDING DENGAN TAHUN INI.

ENCIK OSU BERKATA PELARASAN GAJI KAKITANGAN AMAN AKAN DAPAT MENAIKKAN LAGI SEMANGAT KAKITANGAN AMAN UNTUK BEKERJA LEBIH GIGIH DAN SETERUSNYA MENYUMBANGKAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA. --LAGI
2240HST 21 10 88

0065

U 8246 BAH
BELANJAMAN - KONEK 6 KUALA LUMPUR

KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK BERKATA BELANJAMAN 1987 MELIPUTI SEMUA SEKTOR DAN LAPISAN MASYARAKAT.

BELIAU BERKATA TIDAK ADA KUMPULAN YANG TERSISIH DARIPADA FAEDAH BELANJAMAN ITU.

BELIAU BERKATA DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA PERANAN SEKTOR SWASTA SEMAKIN MENINGKAT DAN DIBERI PENGSIKTIRAFAN DENGAN PENGURANGAN CUKAI SYARIKAT SEBANYAK LIMA PERATUS.

PEMUDA UMNO, KATANYA, LEBIH MEMBERI TUNPUAN KEPADA SOAL PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN BELANJAMAN KALI INI MENDAPAT PERUNTUKAN YANG BESAR DENGAN PEMEKANAN KEPADA SEKTOR LUAR BANDAR SERTA TAMBAHAN KEPADA BEKALAN AIR, ELEKTRIK, KESIHATAN DAN PENDIDIKAN SERTA KEMAJUAN PERTANIAN.--LAGI
2300HST 21 10 88

0070

U 8848 BAH
BELANJAMAN - KONEK 7 KUALA LUMPUR

PRESIDEN GERAKAN, DATUK DR LIM KENG YAIK MENYIFATKAN BELANJAMAN ITU SEBAGAI +LEMBUT DAN TIDAK MEMBEBAKANKAN RAKYAT+.

KATANYA, MALAUPUN EKONOMI NEGARA BERTAMBAH BAIK DIBANDINGKAN PADA TAHUN 1985 DAN 1986, NAMUN IA BELUM MENCAPAI TAHAP YANG DIINGINKAN.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERUSAHAAN UTAMA BERKATA, RAKYAT HARUS BERBELANJA DENGAN JIHAT DAN TIDAK MEMBAZIRKAN MANG MEREKA.

KATANYA, MELALUI PERPADUAN DAN KERJASAMA YANG UJUD DI ANTARA KAUM DI NEGARA INI, MALAYSIA BOLEH MENCAPAI KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH BAIK PADA TAHUN DEPAN DAN 1990.

PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG MCA, DR TING CHEN PEH BERKATA, BELANJAMAN INI MERUPAKAN BELANJAMAN UNTUK RAKYAT SEMUA LAPISAN.

KATANYA, RAKYAT SAHA ADA DI DESA ATAU DI KOTA AKAN MENDAPAT SEDIKIT-SEBANYAK FAEDAH DARIPADA HASIL BELANJAMAN YANG DIUMUNKAN.

BELIAU YANG JUGA SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KESIHATAN BERKATA, BELIAU GEMBIRA KERANA KEMENTERIAN BERKEHAAN DAPAT MENAWARKAN BANYAK JAWATAN KOSONG KEPADA RAKYAT.--LAGI
2310HST 21 10 88

U 8835 BAH
BELANJAWAN - KOMEN S KUALA LUMPUR

KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ BERKATA, BELANJAWAN INI MEMBERI DORONGAN KEPADA PERKEMBANGAN YANG LEBIH PESAT DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN TERUTAMA SEKTOR PERKILANGAN.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, INI JUGA AKAN MENDORONG MEMINGKATKAN LAGI PELABURAN SWASTA DARI DALAM DAN LUAR NEGERI, LEBIH-LEBIH LAGI DENGAN PENSURANSAN CUKAI PEMBANGUNAN SEBANYAK LIMA PERATUS SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT BERMULA TAHUN 1990.

INI JELAS MENUNJUKKAN KERAJAAN SENSITIF KEPADA DESAKAN SWASTA YANG MENGATAKAN CUKAI KOOPERAT MALAYSIA AGAK TINGGI BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA BERANTAU, KATANYA.

DI IPOH, MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAHLI NGAH TALIB BERKATA BELANJAWAN NEGARA 1989 YANG MEMBERI MELONGGARAN CUKAI ADALAH SEJAJAR DENGAN PEMEKARAN KERAJAAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

KATANYA, LANGKAH ITU KENA PADA MASANYA KERANA PADA MASA INI KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMESATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

SALAH SATU CARA MENCAPAINYA DENGAN MENINGKATKAN JUMLAH PENGEDARAN MANG KE DALAM EKONOMI MELALUI MELONGGARKAN CUKAI.

DATUK SERI MENYIFATKAN KESELURUHAN BELANJAWAN ITU MEMBERI PERHATIAN BERAT KEPADA RAKYAT DAN PEMBANGUNAN NEGARA. --BERNAMA

2329HST 21 10 88